



Program Mobiliti lawatan mahasiswa UPM ke Thailand.

Pelajar UPM pupuk nilai berkomunikasi

Oleh Siti Fatimah
Jamaluddin
bhvarsiti@bh.com.my

» Surat Thani

Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej 12, Universiti Putra Malaysia (UPM), menganjurkan Program Mobiliti ke Universiti Nakhon Si Thammarat Rajabhat (NSTRU), di sini baru-baru ini bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman pelajar mengenai pendidikan serta kebudayaan negara luar.

Pengarah program, Muhamad Asyraf Suriah, berkata program itu juga bertujuan menggalakkan pelajar supaya lebih bermotivasi ketika berhubung dengan mahasiswa dari negara gajah putih itu.

Beliau berkata, program itu memberi peluang dan pendedahan kepada pelajar UPM untuk memupuk nilai bijak berkomunikasi dengan masyarakat tempatan menggunakan

bahasa ibunda di situ.

“Sepanjang program berlangsung, pelajar dapat mempelajari cara kehidupan dan budaya asing, selain melakukan aktiviti amal atau tanggungjawab sosial korporat di negara luar.

“Pengalaman diperoleh ini membantu meningkatkan keyakinan pelajar untuk bersosial dengan orang ramai, mengumpul ilmu bernilai mengenai kebudayaan masyarakat luar dan memupuk nilai baik, seperti kerjasama, kemahiran komunikasi dan bersosial,” katanya.

Muhamad Asyraf berkata, beberapa sekolah di sekitar Surat Thani turut terlibat memeriahkan program itu, antaranya Sekolah Rendah Wat Mahachai Wanaram dan Nakhon Si Thammarat School for Deaf.

Guna bahasa ibunda
Pelajar UPM, katanya, menjalankan beberapa tugas sepanjang program itu, antaranya Kem-

Fakta nombor

Program Mobiliti ke NSTRU

40 MAHASISWA terbabit

8 HARI tempoh program

Bahasa Inggeris untuk mengajar bahasa Inggeris kepada kanak-kanak di sekolah terbabit, selain mempersembahkan tarian kebudayaan Malaysia.

Seorang peserta UPM, Farrah Amira Zukefli berkata, cabaran utama dihadapi beliau adalah berkomunikasi dengan kanak-kanak sekolah kerana mereka lebih menggunakan bahasa ibunda berbanding bahasa Inggeris.

“Namun, kesukaran ini tidak membataskan saya dan rakan UPM lain untuk berbual dengan mereka kerana terdapat juruba-hasa yang disediakan NSTRU bagi membantu memudahkan kami.

“Di Nakhon Si Thammarat School for Deaf, kami bukan sahaja berpeluang mengajar kanak-kanak di sekolah itu beberapa jenis tarian dan menjalankan aktiviti menghiburkan seperti mewarna bersama-sama, tetapi juga teruja dapat mempelajari bahasa isyarat digunakan golongan cacat pendengaran,” katanya.



Antara aktiviti yang dilakukan pelajar UPM di Nakhon Si Thammarat School for Deaf.